

- 1 Apakah tujuan perniagaan?
 - A Meningkatkan kuasa beli pengguna
 - B Meningkatkan taraf hidup penduduk setempat
 - C Memenuhi keperluan dan kehendak masyarakat
 - D Menawarkan barang dan perkhidmatan kepada pelanggan

- 2 Apakah kelebihan bentuk pemilikan perniagaan koperasi?
 - A Anggota menanggung liabiliti tidak terhad
 - B Pemberian insentif dalam bentuk rebat
 - C Risiko kegagalan yang rendah
 - D Modal disumbangkan oleh syarikat korporat

- 3 Maklumat berikut berkaitan dengan klasifikasi perniagaan D'Mas Manis Enterprise

D'Mas Manis Enterprise merupakan pengeluar produk berasaskan mangga. Produk keluaran perniagaannya dipasarkan ke seluruh Malaysia, Brunei dan Indonesia. Jualan tahunan D'Mas Manis Enterprise mencecah RM875 juta setiap tahun dengan bilangan pekerja tetap seramai 562 orang sahaja.

Pilih padanan yang tepat.

	Saiz	Skala
A	Kecil	Tempatan
B	Sederhana	Global
C	Sederhana	Domestik
D	Besar	Zon

- 4 Pernyataan manakah situasi yang benar menjelaskan perkaitan dalam aktiviti perniagaan?
 - A Kedai Percetakan Ilham menjalankan aktiviti di sektor utama untuk pasaran di sekitar Selangor.
 - B Mawar Hijab Enterprise berupaya mengembangkan perniagaannya kepada Syarikat Sendirian Berhad.
 - C Spa Cantik Aura menumpukan pengurusan stok untuk meningkatkan jualan perniagaan
 - D Restoran Aman Jaya di Klang perlu meluaskan pasarannya ke seluruh Malaysia untuk menjadi perniagaan bersaiz besar.

- 5 Antara yang berikut, mengapakah kerajaan meningkatkan kadar faedah apabila berlakunya inflasi?
- I Menggalakkan tabungan
 - II Meningkatkan perbelanjaan
 - III Menurunkan pendapatan
 - IV Mengurangkan pinjaman
- A I dan II
B II dan III
C III dan IV
D I dan IV
- 6 Apakah tindakan yang perlu dilakukan semasa trend mendatar?
- A Meningkatkan ekonomi negara
 - B Meneroka pasaran baharu
 - C Memastikan politik stabil
 - D Menambah pengeluaran
- 7 Maklumat berikut berkaitan dengan suatu faktor dalaman.

Syarikat Meen Nun Bhd. bercadang untuk menaikkan pangkat seorang pekerja operasi kepada Penyelia Operasi. Syarikat membuat cadangan untuk mendapatkan pekerja sedia ada bagi tujuan tersebut.

- Mengapakah Syarikat Meen Nun Bhd. membuat cadangan tersebut?
- A Memotivasikan pekerja sedia ada untuk terus berusaha
 - B Melahirkan idea baharu untuk menghasilkan produk berkualiti
 - C Mendapat kemahiran baharu bagi memantapkan pengurusan
 - D Mempunyai pengetahuan yang stereotaip dapat mengekalkan prestasi
- 8 Pernyataan manakah yang **bukan** merupakan kesan perubahan undang-undang terhadap organisasi perniagaan?
- A Melindungi perniagaan daripada sebarang penipuan
 - B Mewujudkan sistem perniagaan secara adil
 - C Melindungi hak semua pihak di dalam perniagaan
 - D Mewujudkan kuasa monopoli di dalam perniagaan

9 Antara berikut, yang manakah pernyataan yang betul tentang visi dan misi.

	Visi	Misi
I	Menjadi panduan untuk membuat keputusan	Menetapkan sasaran yang boleh diukur
II	Penetapan perancangan jangka masa panjang	Satu ketetapan dalam melakukan aktiviti perniagaan
III	Memastikan hala tuju perniagaan berada di landasan yang tepat	Pernyataan ringkas yang menjelaskan matlamat utama perniagaan
IV	Memudahkan pengagihan sumber kepada bahagian-bahagian dalam perniagaan	Panduan untuk membentuk objektif perniagaan

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

10 Dialog berikut berkaitan ciri objektif perniagaan.

Encik Rahman	:	Pihak pengurusan menetapkan untuk mengeluarkan 30,000 paket sambal untuk bulan ini. Biasanya kilang kita hanya mengeluarkan 10,000 paket sahaja sebulan. Mustahil pekerja kita boleh bekerja 24 jam untuk mencapai sasaran itu.
Puan Laili	:	Ya. Memang mustahil dan tidak munasabah.

Mengapakah Puan Laili berpendapat sedemikian?

- A Kesukaran mesin menampung pengeluaran
- B Sumber kewangan yang tidak kukuh
- C Sumber manusia tidak mencukupi
- D Kekurangan sumber manusia berkemahiran

11 Maklumat berikut berkaitan titik pulang modal sebuah perniagaan.

Kos tetap sebanyak RM300 000.

Kos berubah seunit yang ditanggung ialah RM4.

Harga jualan seunit ialah RM7

Hitung titik pulang modal tersebut.

- A 1 000 000 unit
 - B 100 000 unit
 - C 10 000 unit
 - D 1 000 unit
- 12 Apakah faktor luaran yang mempengaruhi perubahan objektif perniagaan?
- A Pemasaran
 - B Kewangan
 - C Undang-undang
 - D Sumber manusia
- 13 Apakah kesan kegagalan mencapai mencapai objektif perniagaan?
- A Imej perniagaan terjejas
 - B Pekerja terpaksa ditambah
 - C Keupayaan bersaing dalam pasaran
 - D Kepercayaan pihak berkepentingan tinggi
- 14 Antara berikut, yang manakah tujuan bahagian fungsian penyelidikan dan pembangunan?
- I Menghasilkan produk yang berkualiti
 - II Meningkatkan tahap pengeluaran produk
 - III Menguruskan pembelian bahan mentah yang bermutu
 - IV Menghasilkan barang yang memaksimumkan keuntungan
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

15 Gambar 1 menunjukkan sebuah bahagian fungsian dalam sebuah kilang susu.



Gambar 1

Apakah bahagian fungsian tersebut?

- A Pemasaran
- B Pengeluaran
- C Pentadbiran
- D Pembelian

16 Pernyataan berikut berkaitan dengan tujuan penggunaan teknologi maklumat.

- Membantu proses penjanaan idea
- Mencari maklumat daripada pelbagai sumber

Apakah tujuan tersebut?

- A membantu sistem operasi
- B memperoleh maklumat dengan mudah
- C mewujudkan jaringan lebih luas
- D memudahkan aktiviti kewangan

17 Rajah 1 berkaitan dengan hubungan dan interaksi dengan organisasi luar.



Rajah 1

Apakah interaksi yang berlaku di X?

- A Pengurus besar AZ Technologies memohon geran dari Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi
- B Pengurus jualan Agensi Pelancongan Andalus menghubungi Encik Fitri untuk menerangkan pakej umrah yang ditawarkan syarikatnya
- C Pengurus Cawangan Bank Perdana menghubungi pengurus besar Didik Bestari Trading tentang pengeluaran wang dari akaun perniagaan
- D Pengurus Belian Jeruk Ahmad meminta Pemborong Buah Mutiara menghantar stok buah dengan segera

- 18 Rajah 2 berkaitan interaksi dan perkaitan antara bahagian fungsian dalam dua buah perniagaan.



Rajah 2

Bahagian fungsian manakah yang terlibat dalam penghantaran dan penerimaan invois?

- A Bahagian Fungsian Pembelian
 - B Bahagian Fungsian Pembelian
 - C Bahagian Fungsian Kewangan
 - D Bahagian Fungsian Pemasaran
- 19 Gambar 2 adalah perbualan antara dua orang pemilik restoran, Encik Zainal dan Encik Abas.



Gambar 2

Mengapakah Abas berpendapat sedemikian?

- A Mengelak terlibat dalam pasaran tepu
- B Produk sentiasa mengatasi pesaing
- C Syer pasaran tidak meluas
- D Kos operasi lebih rendah

20 Apakah yang dimaksudkan dengan pengurusan sumber manusia?

- A Membangunkan tenaga kerja untuk mengekalkan pekerja yang berprestasi tinggi
- B Menguruskan tenaga kerja untuk merancang pelbagai aktiviti perniagaan
- C Menggabungkan tenaga manusia untuk mencapai matlamat organisasi
- D Meningkatkan modal insan yang cekap dan efisien

21 Maklumat berikut berkaitan dengan peranan pengurusan sumber manusia.

Encik Hilmi menyediakan pelbagai latihan kepada pekerjaanya untuk meningkatkan produktiviti syarikat. Kesannya, hasil jualan dan keuntungan meningkat berlipat ganda dalam tempoh lima tahun. Namun, beberapa orang pekerja mahir telah meninggalkan syarikat kerana tidak puas hati dengan tekanan tugas yang diberikan dan komisen yang rendah.

Apakah peranan pengurusan sumber manusia yang gagal diberi perhatian oleh Encik Hilmi?

- I Prestasi pasukan
- II Persekitaran kerja
- III Insentif yang munasabah
- IV Pemantapan budaya profesional

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

- 22 Maklumat berikut menunjukkan perbualan antara Puan Dhiya, pengurus pemasaran Syarikat ZHD Berhad dengan Cik Hannani, salah seorang jurujualnya.

Puan Dhiya	:	Cik Hannani, saya dapati prestasi kamu agak merosot kebelakangan ini.
Cik Hannani	:	Minta maaf, Puan Dhiya. Kebanyakan sasaran pelanggan saya telah berpindah ke tempat baharu.
Puan Dhiya	:	Oh, kalau begitu mulai bulan depan saya akan menetapkan kawasan baharu untuk Cik Hannani.

Apakah aspek pengelolaan sumber manusia yang berkaitan?

- A Sistem penggajian
- B Penyelesaian masalah
- C Standard prosedur operasi
- D Penghargaan dan hukuman

23 Gambar 3 adalah perbualan berkaitan dengan kemahiran kebolehkkerjaan.




Gambar 3

Apakah kemahiran kebolehkkerjaan diperlukan oleh syarikat tersebut?

	Syarikat Telekomunikasi Ikhlas Berhad	<i>Syukur Telecommunications</i>
A	Berpengalaman	Kelayakan Yang Bersesuaian
B	Kelayakan Yang Bersesuaian	Berpengetahuan Tentang Produk
C	Keberkesanan mencapai sasaran	Berpengalaman
D	Berpengalaman	Keberkesanan mencapai sasaran

24 Rajah 3 berikut berkaitan struktur organisasi sebuah perniagaan.



Rajah 3

Antara berikut, yang manakah sistem penggajian yang sesuai kepada Cik Filzanah?

- I Upah
- II Komisen
- III Gaji asas
- IV Elaun perumahan

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

25 Maklumat berikut berkaitan tujuan mengurus sumber fizikal.

Kedai Kek Bilal memilih buah strawberi yang segar untuk tempahan kek buah pelanggannya .

Mengapakah perniagaan tersebut berbuat demikian ?

- A Menjamin stok kek sentiasa ada
- B Memudahkan urusan pembelian kek
- C Menjaga kualiti kek yang dihasilkan
- D Memastikan kek selamat dimakan

26 Gambar 3 berkaitan dengan prosedur mengurus sumber fizikal Kedai Makan Viral.



Gambar 3

Antara berikut, yang manakah prosedur tersebut?

- I Penggunaan tong gas yang betul
- II Pembaikan segera tong gas yang rosak
- III Penyelenggaraan tong gas secara berkala
- IV Pemilihan tong gas yang mengikut piawai

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

27 Situasi manakah berkaitan prosedur mengurus sumber teknologi?

- A Hamisah memasang kamera litar tertutup di kedai runcitnya
- B Shukur melindungi novel hasil tulisannya daripada ditiru
- C Ah Hock menukar alat ganti komputernya yang telah rosak
- D Maniam melindungi kilangnya dengan insurans kebakaran

28 Apakah contoh sumber pembiayaan dalaman?

- A Syer
- B Rizab
- C Pajakan
- D Pemfaktoran

29 Apakah kelebihan membuat pinjaman dengan pihak bank?

- A Cagaran disediakan mesti bernilai
- B Penjamin berkelayakan diperlukan
- C Faedah dikenakan mengikut syarat
- D Pinjaman disesuaikan mengikut keperluan

30 Pernyataan berikut berkaitan dengan sumber pembiayaan luaran.

Basyirah merupakan pengusaha kek batik secara kecil-kecilan. Beliau bercadang untuk meningkatkan pengeluaran dengan menambah peralatan membuat kek. Beliau mempunyai akaun semasa di Bank Koop dan bercadang membayar sebahagian modal tambahan secara ansuran.

Apakah sumber pembiayaan luaran yang sesuai?

- I Modal permulaan
- II Pajakan
- III Overdraif
- IV Sewa beli

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

31 Maklumat berikut berkaitan dengan pihak berkepentingan kepada penyata kewangan sesebuah perniagaan.

- | | |
|----------|--|
| P | <ul style="list-style-type: none">• Mengagihkan sumber dengan berkesan• Membuat pertimbangan pemberian ganjaran |
|----------|--|

Siapakah P?

- A Pengurusan
- B Pembekal
- C Pembiaya
- D Pelabur

- 32 Maklumat berikut diambil daripada penyata pendapatan Perniagaan Mukhriz bagi tahun berakhir 31 Disember 2023.

	RM
Jualan bersih	75 000
Kos jualan	34 000
Untung bersih	20 000

Berapakah peratus margin untung bersih bagi perniagaan tersebut?

- A 26.7 %
 - B 37.5 %
 - C 45.3 %
 - D 58.8 %
- 33 Maklumat berikut berkaitan dengan nisbah kecekapan Syarikat Anita Sdn Bhd

Tahun	2020 (RM)	2021 (RM)
Kos jualan	30 000	60 000
Stok purata	10 000	15 000

Pernyataan manakah menerangkan pusing ganti stok perniagaan?

- A Tahun 2020 stok telah diganti sebanyak 3.3 kali
- B Tahun 2021 stok telah diganti sebanyak 0.25 kali
- C Tahun 2020 stok telah diganti sebanyak 0.33 kali
- D Tahun 2021 stok telah diganti sebanyak 4 kali

34 Maklumat berikut berkaitan faktor penyumbang untuk memulakan perniagaan.

Fareha berhasrat untuk memohon pembiayaan daripada pihak bank bagi membesarkan perniagaan Cromboloni Fareha Enterprise yang mendapat sambutan daripada pengguna sejak awal tahun lepas. Walau bagaimanapun, beliau menghadapi masalah permohonan pinjaman kerana tidak mempunyai cagaran dan perniagaan masih baru ditubuhkan.

Antara yang berikut, manakah agensi yang boleh membantu masalah tersebut?

I	
II	
III	
IV	

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV